

HARI KEBANGSAAN

Kemerdekaan tiada nilai sebenar jika minda masih dijajah

Pada 31 Ogos, genaplah usia kemerdekaan negara 58 tahun. Melalui usaha serta semangat kerjasama seluruh rakyat akhirnya, negara kita mencapai kemerdekaan diidamkan pada tahun 1957.

Usaha mencapai kemerdekaan diteruskan dengan penambahan Sarawak dan Sabah ke dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Selepas bebas mencapai kemerdekaan, negara dilihat mula membangun selepas pelbagai dasar dilaksanakan dan kini kita giat berusaha mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Erti kemerdekaan

Namun, apa yang perlu dititik berat ialah maksud atau erti sebenar kemerdekaan. Apakah yang dimaksudkan dengan kemerdekaan? Sudah pasti ramai yang akan mengatakan merdeka bermaksud bebas daripada cengkaman penjajah. Perlu diingat, maksud merdeka tidak terhad kepada itu sahaja. Maksud kemerdekaan adalah lebih luas yang juga meliputi kebebasan minda daripada dijajah.

Minda dijajah bermaksud kita masih berfikiran mementingkan diri sendiri, tetapi lupa perkara lebih penting daripada itu. Minda yang dijajah juga bermaksud kita masih beranggapan orang luar lebih pandai daripada kita sehingga kita sanggup tunduk patuh pada setiap arahan mereka.

Dengan wujudnya sistem jaringan komunikasi internet kini, penjajahan bentuk minda menjadi mudah bagi mempengaruhi minda masyarakat kita terutama generasi muda dalam menerima



Generasi muda perlu dididik berfikir secara matang dalam menghayati erti kemerdekaan sebenar elak minda dijajah. (GAMBAR HIASAN)

bulat-bulat apa diamalkan orang luar tanpa mengambil kira faktor sensitiviti agama, budaya, serta peradaban masyarakat timur dalam negara kita yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Lebih malang, mereka menerima apa sahaja diberikan kepada mereka tanpa memikirkan akibat daripada perbuatan mereka itu kepada diri mereka serta orang sekeliling. Jika dilihat kini, statistik salah laku jenayah kian meningkat akibat masalah sosial dilakukan mereka yang dijajah mindanya.

“**Semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan penjajah minda dibendung supaya negara kekal merdeka dalam erti kata sebenarnya**”

Bendung penjajahan minda

Jika perkara ini tidak dibendung, nescaya masyarakat kita akan berada dalam keadaan kucar-kacir serta segala harapan menjadi negara maju dan bertamadun tinggi akan musnah. Oleh yang demikian, semua pihak perlu memainkan peranan membendung isu penjajahan minda ini sebelum ia menjadi parah.

Antara yang boleh dilakukan ialah melalui pendidikan kerana ia memainkan peranan penting bagi membendung masalah minda dijajah terutama yang kini

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bharian.com.my

dihadapi golongan muda.

Bak kata pepatah, melentur buluh biar dari rebung, golongan muda perlu dididik dari awal untuk berfikir secara matang supaya mereka dapat membezakan perkara baik dan buruk. Peranan guru penting bagi memastikan golongan muda dapat menjadi anggota masyarakat yang berguna serta berbakti kepada negara.

Selain guru, semua pihak juga perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan penjajah minda yang berlaku kini dibendung supaya negara kekal merdeka dalam erti kata sebenarnya. Sebuah negara yang merdeka tidak merdeka sekiranya pemikiran rakyatnya masih dijajah.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia